

3

KECERDASAN

Azizi Yahaya

PENGENALAN

Istilah kecerdasan mula diperkenalkan oleh Francis Galton pada akhir tahun 1800-an. Galton merupakan sepupu kepada tokoh teori evolusi yang terkenal, Charles Darwin. Galton percaya bahawa keupayaan intelektual adalah diwarisi, namun beliau gagal untuk membentuk ujian kecerdasan yang boleh digunakan dalam kajian. Walaupun beliau tidak berjaya dalam kajiannya, namun Galton telah memberikan ilmu psikologi dengan konsep kecerdasan.

Definisi Konsep Kecerdasan

Ahli psikologi telah memberi pelbagai definisi yang berbeza bagi konsep kecerdasan. Setiap definisi memberi penekanan pada kebolehan dan kemahiran tertentu yang penting, antaranya ialah:

Alfred Binet (1916), beliau sebagai pelopor dalam menyusun ujian kecerdasan yang berpendapat bahawa kecerdasan terbahagi kepada tiga aspek kemampuan iaitu:

- a) “direction”, kemampuan untuk memusatkan kepada masalah yang hendak diselesaikan.
- b) “adaptation”, kemampuan untuk mengadakan adaptasi terhadap masalah yang dihadapinya atau fleksibel dalam menghadapi masalah.
- c) “Criticism”, kemampuan untuk mengadakan kritikan, baik terhadap masalah yang dihadapi mahupun terhadap dirinya sendiri.

Menurut Edward Thorndike (1913), kecerdasan adalah kemampuan individu untuk memberi respon yang tepat terhadap stimulus yang diterimanya.

Menurut David Wechsler (1958), kecerdasan sebagai kemampuan yang menyeluruh untuk bertindak secara sengaja, berfikir secara rasional, dan berurusan secara berkesan dengan persekitaran.

Mengikut Piaget (1950), kecerdasan adalah kebolehan individu membuat adaptasi pada persekitaran fizikal dan sosial.

Kepercayaan Pada Kecerdasan dan Pengetahuan

Kebanyakan ahli psikologi bertelagah mengenai apakah komponen yang sepatutnya terdapat dalam kecerdasan secara umum. Soalan yang sentiasa terdapat di fikiran mereka ialah sama ada kecerdasan itu terdiri daripada keupayaan mental yang tunggal, ataupun ianya terdiri daripada pelbagai keupayaan. Tegasnya, adakah kecerdasan merupakan ciri-ciri umum yang mempengaruhi kesemua tingkah laku kita, atau adakah terdapat kecerdasan yang berbeza, yang setiap satunya memberi kesan kepada sifat khusus tingkah laku? Kini penyelidik kecerdasan cenderung mengandaikan terdapat beberapa jenis kecerdasan.

PENGUJIAN KECERDASAN

Mengkaji kecerdasan bermula dengan pembentukan ujian-ujian untuk mengukur keupayaan mental, iaitu termasuk ujian pencapaian, ujian bakat atau kebolehan (aptitude), dan ujian kecerdasan. *Ujian pencapaian* bertujuan untuk mengukur pengetahuan seseorang dalam bidang akademik, contohnya, pencapaian dalam sesuatu mata pelajaran yang telah diikuti, misalnya pelajaran matematik, kimia dan biologi. *Ujian bakat* atau *kebolehan* cuba meramalkan potensi

yang dimiliki oleh seseorang dengan tujuan untuk memperolehi faedah daripada latihan akademik atau vokasional yang akan diberikan. Misalnya, seseorang itu diuji tentang kebolehan atau bakatnya dalam bidang pertukangan sebelum dilatih sebagai tukang kerana tidak semua orang mempunyai bakat dalam pertukangan. Dengan memberikan latihan kepada mereka yang tidak mempunyai bakat atau kebolehan dalam sesuatu perkara tentunya akan membawa kepada kerugian. Di Amerika Syarikat khususnya, calon-calon yang memohon memasuki universiti-universiti dikenakan menduduki ujian-ujian yang mengukur kebolehan dan bakat mereka ini. Di antara ujian-ujian tersebut adalah Scholastic Aptitude (SAT), American College Test (ACT), dan Graduate Recod Examination (GRE). *Ujian kecerdasan* pula adalah sejenis ujian bakat yang menilai keseluruhan keupayaan mental.

Ciri-Ciri Ujian Kecerdasan Yang Baik

Kecerdasan merupakan konsep yang abstrak, ketepatan ukurannya adalah bergantung kepada banyak faktor. Di antara kriteria yang perlu dipenuhi oleh sesuatu ujian kecerdasan sebelum diterima sebagai alat pengukuran yang baik adalah seperti berikut:

1. *Piawaiian*. Tujuan ujian kecerdasan direkabentuk adalah untuk membandingkan prestasi antara satu sama dengan lain. Oleh itu, ujian yang diberikan mestilah dalam cara yang sama (piawai) kepada setiap orang. Sekiranya tidak, perbezaan prestasi kemungkinan diakibatkan oleh perbezaan dalam cara ujian tersebut dikendalikan dan bukannya menggambarkan perbezaan keupayaan sebenar. Akibat daripada masalah ini, ujian psikologi biasanya disertakan dengan arahan-arahan yang terperinci yang menerangkan kepada peserta dan juga pengendali bagaimana ujian tersebut perlu dijalankan.
2. *Norma*. Untuk membandingkan skor kecerdasan seseorang individu dengan individu lain, pembentuk ujian perlu memberikan ujian tersebut kepada sampel manusia yang besar yang mewakili populasi umum. Untuk membentuk ujian kecedersan dewasa kita perlu memberikan ujian tersebut kepada bilangan orang dewasa yang ramai, supaya hasilnya dapat menggambarkan norma bagi orang dewasa, dan bukan menggambarkan kumpulan umur lain.
3. *Objektiviti*. Ujian kecerdasan mesti dibina dalam bentuk yang kurang kabur tentang jawapan bagi setiap item yang disoal. Sekiranya terdapat kekaburan, dan cara membuat skor adalah

subjektif dan tidak objektif, maka faktor selain prestasi individu kemungkinannya boleh mempengaruhi skor, seperti "mood" atau prasangka pengendali ujian.

4. *Kebolehppercayaan*. Untuk sesuatu ujian itu berguna, ianya mestilah boleh dipercayai. Ini bermaksud skor yang diperolehi adalah lebih kurang sama sekiranya dijalankan pada dua masa yang berbeza oleh pengendali-pengendali ujian yang berbeza. Sekiranya skor-skor adalah berbeza-beza dengan nyata daripada satu ujian ke ujian yang lain, maka ujian tersebut tentunya tidak boleh dipercayai. Contohnya, sekiranya kita menguji kecerdasan seorang kanak-kanak pada hari ini dan mendapati skornya adalah 110, dan sepuluh hari kemudian, dengan menggunakan ujian yang sama diuji semula dan didapati skornya adalah 80, maka kita katakan bahawa ujian tersebut tidak dapat dipercayai. Alasannya ialah kecerdasan seseorang tidak begitu berubah dengan mendadak dalam jangka masa yang singkat. Masalah wujud kerana ujian yang digunakan itu tidak boleh dipercayai.
5. *Kesahan*. Perkara penting bagi satu ujian skala kecerdasan ialah ia mestilah sah, ia mesti mengukur apa yang sepatutnya diukur. Tegasnya, sekiranya ujian kecerdasan yang digunakan itu adalah untuk mengukur kecerdasan penaakulan, maka sesuatu ujian yang sah adalah ujian tepat dengan mengukur penaakulan dan bukan mengukur aspek kecerdasan yang lain. Analoginya, untuk mengukur berat sesuatu objek kita menggunakan timbang, dan bukan menggunakan kayu pembaris.

KESIMPULAN

Kognisi merupakan proses intelektual, iaitu melibatkan aktiviti pemikiran manusia. Sementara kecerdasan pula merupakan keupayaan menyeluruh manusia dalam berurusan dengan persekitaran. Komponen asas kognitif adalah bahasa dan imej mental. Sementara itu manusia yang cerdas adalah mereka yang berjaya menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi. Dengan itu, kecerdasan merupakan perkara penting yang harus diberikan perhatian oleh semua pihak. Ibu-bapa terutamanya, perlu mengambil berat akan corak pemakanan dan kualiti persekitaran tempat tinggal mereka bagi menjamin kecerdasan yang baik untuk anak-anak. Keadaan ini perlu dibentuk bukan sahaja sewaktu kanak-kanak tersebut membesar tetapi ianya perlu disemai sejak awal kandungan lagi. Walaupun kecerdasan boleh ditingkatkan dengan

merangsang persekitaran tempat tinggal, bagi yang memperolehi anak yang rencat akal, kualiti kasih-sayang adalah penting untuk anak-anak tersebut mengharungi hidup mereka dengan lebih harmoni .